

**POTENSI JEJAK WARISAN (*HERITAGE TRAIL*) SEBAGAI SATU
PENDEKATAN MENINGKATKAN KESEDARAN TERHADAP
SEJARAH DAN WARISAN BANDAR.**

**(KAJIAN KES: KAWASAN PERTAPAKAN DAN PERKEMBANGAN AWAL
BANDARAYA ALOR STAR, KEDAH D.A.)**

ROSMADI AZIZI BIN OMAR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ABSTRAK

Sejarah dan warisan adalah aset kepada sesebuah kawasan dan wajar dipelihara. Kawasan-kawasan pertapakan dan perkembangan awal sesebuah bandar, merupakan warisan yang tinggi nilainya dan perlu diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Dengan terdapatnya bangunan dan monumen ini, masyarakat akan lebih menghargai dan peka kepada perkembangan sejarah negara kerana ia dapat berfungsi sebagai bukti kepada sesuatu era atau peristiwa bersejarah.. Kini kebanyakan bandar-bandar yang mempunyai tarikan kawasan/bangunan warisan sejarah sama ada di dalam negara ini seperti Melaka, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur dan luar negara telah melaksanakan program Jejak Warisan sebagai satu usaha memperkenalkan dan mendedahkan keistimewaan kawasan berkenaan. Bagi memupukan kesedaran di kalangan masyarakat dan memperkukuhkan usaha-usaha pemeliharaan, Jejak Warisan perlu menekankan cara atau kaedah yang berupaya untuk mendedah dan meningkatkan penghayatan yang kuat di kalangan masyarakat terhadap keunikan sesebuah tempat. Melalui kajian yang dijalankan ini, penekanan akan diberikan untuk mengetengahkan Jejak Warisan sebagai satu program yang berupaya mendedah dan meningkatkan kesedaran yang kuat di kalangan masyarakat terhadap sejarah dan warisan di kawasan pertapakan dan perkembangan awal Bandaraya Alor Star. Berasaskan kepada rumusan dan penemuan dari empat analisis kajian iaitu sejarah & morfologi bandar, profil & inventori bangunan, sitem sirkulasi & pergerakan dan penilaian kualiti visual, cadangan konsep pembangunan Jejak Warisan telah dibangunkan dengan memastikan ianya mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Seterusnya cadangan yang dikemukakan ini, diharapkan berupaya memupuk kesedaran di kalangan masyarakat bagi memperkukuhkan usaha-usaha pemeliharaan sejarah dan warisan di kawasan kajian.

ABSTRACT

History and heritage are a place's assets which should be conserved. The early settlements of a town are invaluable heritage that should be passed to the future generations. The monuments and buildings are the proofs of an era or historic event. Their existence will help the communities to appreciate and aware of national history development. Currently, towns, no matter domestic town such as Malacca, Penang and Kuala Lumpur or foreign countries' towns, rich with historic areas or buildings had implemented Heritage Trail programme as an effort to introduce the uniqueness of that particular area. Heritage Trail should be introduced as a method to improve communities' awareness and strengthen conservation activities. These researches intend to make use of Heritage trail as a programme improve and upgrade communities' appreciation on the history and heritage of Alor Setar City's early settlements. Based on the findings of four analyses, namely (i) history and urban morphology, (ii) building inventories and profiles, (iii) circulation system and movements, and (iv) visual quality, the development concept of Heritage Trail was proposed by assuring the goal and objectives were achieved. It was hoped that the proposal will help to enhance communities' awareness and heritage conservation activities in study area.